

# Sukan

Pasukan silat nasional pulang dari Kejohanan Pencak Silat Dunia ke-16 dengan berkalung 12 pingat – satu emas, empat perak dan tujuh gangsa. Sebutir perak disumbang oleh puteri silat negara Nurul Suhaila Mohamed Saiful dan emas tunggal negara diraih Sheik Farhan Sheik Alau'ddin. Kedua pesilat muda ini berkongsi kisah mereka dengan **NORMAN SAWI** (normans@sph.com.sg).

## Farhan ingin terus berjaya

BELIAU kini bergelar juara dunia.

Namun buat masa ini, Sheik Farhan Sheik Alau'ddin, 17 tahun, belum lagi pasti adakah beliau akan bertanding di Sukan Asia Tenggara (SEA) ke-28 yang dianjurkan Singapura Jun nanti.

Buat masa ini, Kelas J (90-95 kilogram) yang ditandinginya tidak ada dalam senarai acara silat Sukan SEA, walaupun Persekutuan Silat Singapura (Persisi) berkata ia bercadang merayu kepada jawatankuasa penganjur Sukan SEA agar menyertakan acara tersebut.


Bagi Sheik Farhan, walau beliau mendamba beraksi di depan rakan dan keluarga, beliau enggan membebaskan pemikirannya dengan perkara yang berada di luar kawalannya.

Sebaliknya, pesilat yang berdiri setinggi 1.96 meter itu menunjukkan kematangan yang melebihi usianya. Sheik Farhan berkata beliau hanya menumpukan tenaga kepada perkara dalam kawalannya; seperti perkembangannya dalam silat dan pengajiannya di sekolah.

Kematangan yang sama juga membantu beliau kekal menang dalam perlawanan final yang sengit di kejohanan dunia minggu lalu demi menumpaskan Mach Quoc Hung dari Vietnam 3-2?

Walaupun masih ketinggalan dalam pusingan ketiga, dengan perlawanan berbaki empat saat, Sheik Farhan bukan sahaja berjaya mengelak percubaan lawannya bagi menjatuhkannya, malah berjaya melaksanakan tendangan yang memberinya kelebihan mata - kelebihan yang berjaya dipertahankan sehingga akhir perlawanan.

Tendangan itu bukan sahaja menjamin kemenangannya di peringkat dunia - hanya pertandingan terbuka kedua yang disertainya selepas Kejohanan Pencak Silat Nasional tahun lalu. Malah, ia menentukan lagu *Malajulah Singapura* berkumandang di Dewan Sukan Saphan Hin buat kali



**INGIN TERUS BERJAYA:** Walau telah bergelar juara dunia, Sheik Farhan sedar beliau tidak mampu leka jika ingin meneruskan perkembangannya dalam silat. - Foto-foto TAUFIK A KADER

pertama dalam kejohanan ini, selepas pesilat lebih mapan tumbang di peringkat lebih awal.

Juara dunia Shakir Juanda tewas 4-1 kepada pesilat Indonesia Tri Juanda Samsul Bahar di separuh akhir Kelas H (80-85 kg). Juara Sukan SEA Nur Alfian Juma'en tumbang 3-2 oleh Tran Dinh Nam dari Vietnam di suku akhir Kelas F (70-75 kg).

Melihat bendera negara berkibar megah di dewan sukan itu adalah antara saat yang paling istimewa dalam hidupnya, kata Sheik Farhan akur.

Namun, beliau bertekad tidak mahu terbuai dek pujian dan perhatian media yang kini mengelilinginya.

"Memang, saya berasa bangga... saya gembira kerana dapat membawa pulang emas bagi pasukan dan negara.

"Bagaimanapun, perjalanan saya dalam sukan ini masih jauh. Saya ingin meraih lebih banyak kejayaan pada masa depan," kata Sheik Farhan.

Matlamat selanjutnya bagi penuntut tahun pertama di Politeknik Nanyang ini ialah memperluas teknik dan kemahirannya semasa bertanding.

Secara fizikal beliau ingin menjadi lebih besar dan mengorak langkah dengan lebih pantas di gelanggang, katanya.

Jauh di lubuk hatinya, Sheik Farhan juga mendamba mengukir nama

dalam sejarah silat negara seperti bapanya, bekas juara dunia berganda Sheik Alau'ddin Yacoob Marican.

Sebelum berangkat ke Phuket awal bulan ini, Sheik Farhan memberitahu akhbar ini bahawa beliau ingin membina warisan sendiri dan enggan terus dibayangi pencapaian bapanya.

"Ia adalah satu cabaran yang sukar, kerana beliau telah mengecapi banyak pencapaian penting dalam kerjayanya," katanya.

Di Phuket minggu lalu, Sheik Farhan telah mengorak langkah pertama ke arah matlamatnya itu.

Perkembangannya sehingga kejohanan dunia selanjutnya dalam tempoh dua tahun akan menentukan langkah selanjutnya.

## Tersungkur, tetapi tidak putus asa

DI gelanggang silat Saphan Hin di Phuket, minggu lalu, Nurul Suhaila Mohamed Saiful tenang semasa menerima pingat perak selepas tewas di final bagi acara tanding Kelas D (60-65 kilogram).

Namun senyuman yang terukir di bibir Suhaila, 19 tahun - antara pesilat negara paling berbakat - menyembunyikan kekecewaan yang kini masih menghantuinya.

Dalam final yang disaing sengit dengan pesilat Indonesia, Selly Andriani, Suhaila hanya memerlukan tendangan tunggal demi mengutip dua mata dan kejuaraan dunia.

Namun, kerana tergesa-gesa memburu mata itu, Suhaila membuka peluang bagi lawannya menjatuhkannya, dan akhirnya tewas 0-5.

"Setelah memulakan pusingan ketiga dengan yakin, saya menjadi gementar di penghujungnya... terlalu banyak perkara bermain dalam minda," kata Suhaila berterus-terang.

Keputusan perlawanan silat ditentukan lima anggota juri berdasarkan aksi tiga pusingan.

Anggota juri duduk di sekeliling gelanggang; memberi atau memotong mata bagi setiap pesilat. Mata yang diberikan tertera 'secara langsung' di papan mata elektronik semasa perlawanan berlangsung.

Walau mengecewakan, pingat perak 'di luar dugaan' yang dimenangkannya itu adalah keputusan lebih baik berbanding gangsa yang dimenangkannya di kejohanan dunia 2012.

Menurut Suhaila, beliau tetap

gembira kerana 2015 telah bermula dengan baik - bak penawar bagi 2014 yang 'sukar' baginya.

Selepas pulang dengan tangan kosong dari Sukan Asia Tenggara (SEA) Myanmar, Suhaila, penuntut tahun ketiga jurusan Komunikasi Massa di Politeknik Ngee Ann,

bergelut mengimbangi masa bagi pengajiannya dan latihan dengan pasukan nasional.

Selain menjalani program kenal suai kerja selama enam bulan, beliau juga perlu mengetepikan masa selepas latihan harian demi mengulang kaji pelajaran.

Malah, Suhaila bakal menduduki peperiksaan penggal minggu depan, walaupun beliau bercadang merayu kepada pihak sekolah bagi menangguhkan pengajiannya sehingga Sukan SEA ke-28 berakhir Jun nanti.

Jika permohonan diterima, Suhaila akan meraih diploma setahun selepas rakan-rakan dalam kohortnya ini.

Bagi Suhaila, ia bak 'pengorbanan wajar' demi membantunya menumpu perhatian pada latihan dan mencapai impian meraih emas di Sukan SEA nanti, bukan sahaja demi menebus kekecewaan di Myanmar, malah dalam lawannya memburu kejuaraan dunia di masa depan.

"Kerjaya seorang atlet adalah sementara. Tapi selagi saya ingin mewakili negara, saya akan menggunakan setiap pengalaman yang saya lalui bagi membantu mencapai impian saya," kata Suhaila, matanya bersinar penuh azam.



**BELAJAR DARI PENGALAMAN:** Nurul Suhaila ingin menggunakan pengalaman pahit lalu demi membantunya mencapai kejayaan masa depan.